



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI
RAMBAN DALAM BUKU *LEKA
MAIN ASAL IBAN***



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

NELSON KUBU ANAK EMPAJANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI *RAMBAN*
DALAM BUKU *LEKA MAIN ASAL IBAN***

NELSON KUBU ANAK EMPAJANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ²³.....(hari bulan).....OGOS..... (bulan) 20²⁵...

i. Perakuan pelajar :

Saya, NELSON KUBU AK EMPAJANG, M20202001336, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Nelson

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROHAYATI BINTI JUNAIDI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (BAHASA IBAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/8/2025
Tarikh

[Signature]
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM
BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

No. Matrik /Matric's No.: M20202001336

Saya / I / : NELSON KUBU ANAK EMPAJANG

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Nelson
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Dr. Rohayati Junaidi
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 20 OGOS 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana mengurniakan kesihatan, akal dan fikiran yang matang serta keberkatan buat saya dalam menyempurnakan kajian ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Rohayati binti Junaidi selaku penyelia utama dan Dr Saripah anak Banseng selaku penyelia bersama yang sentiasa memberi motivasi, inspirasi, sokongan, cadangan, bimbingan dan pandangan dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga, dikesempatan ini mengucapkan sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada mendiang Profesor Madya Dr Chemaline Osup kerana beliau merupakan insan yang banyak memberi cetusan idea semasa kajian ini bermula. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya atas pengertian, pengorbanan, kesabaran dan dorongan serta sokongan yang tidak berbelah bahagi selama ini. Dengan siapnya kajian ini, diharapkan semangat dan iltizam sepanjang pengajian ini terus berkobar walaupun pelbagai cabaran dan rintangan ditempuhi untuk menjadi seorang insan yang terus berjaya. Saya berharap penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini menganalisis struktur dan fungsi sepuluh puisi *ramban* terpilih daripada buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald (1993). Puisi *ramban* ialah puisi tradisional masyarakat Iban yang sering dinyanyikan atau dilafazkan untuk menyampaikan kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan. Pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah analisis kandungan melalui pensampelan bertujuan untuk memilih puisi yang mencerminkan kepelbagaian tema dan gaya. Data dianalisis menggunakan Teori Strukturalisme Ferdinand de Saussure (1983) bagi meneliti struktur formal dan sintaksis, serta Teori Pragmatik Grice (1975) untuk mengklasifikasikan kandungan tema berdasarkan makna tersirat dan tujuan komunikasi. Dapatan menunjukkan bahawa puisi *ramban* kaya dengan unsur gaya bahasa seperti hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplece, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, imejan bebas, kolokasi, dan polisindeton. Daripada aspek struktur, setiap puisi terdiri daripada prolog, isi, dan epilog, serta sering menggunakan paralelisme. Panjang puisi antara 7 hingga 32 baris, dengan 3 hingga 11 perkataan setiap baris. Unsur prosodi seperti ritma, rima, jeda, disfemisme, dan nada emosi menyerlahkan kemerdekaan puisi ini. Daripada aspek tema, *ramban* mengangkat aspek kehidupan bermasyarakat, pendidikan, hubungan kekeluargaan, cinta, dan kesopanan. Daripada aspek fungsi, puisi ini menjadi medium penyampaian nasihat, sindiran, dorongan, kritikan tingkah laku, serta luahan kesedihan atau ketidakpuasan. Puisi *ramban* ini mencerminkan identiti dan nilai budaya masyarakat Iban. Kajian ini bukan sahaja mendokumentasikan tradisi sastera yang kaya, malah menyokong usaha pemeliharaan dan pengiktirafan warisan lisan Iban di peringkat global.





ANALYSIS OF STRUCTURE AND FUNCTION RAMBAN POEMS IN THE BOOK OF *LEKA MAIN ASAL IBAN*

ABSTRACT

This study analyses the structure and functions of ten selected ramban poems from the book *Leka Main Asal Iban* by Jimmy Donald (1993). Ramban poems is a traditional form of poetry among the Iban community, often sung or recited to convey emotional and social stability, offer advice, and provide entertainment. Adopting a qualitative approach, it employs content analysis through purposive sampling to select poems that reflect thematic and stylistic diversity. Data were analysed using Ferdinand de Saussure's Structuralism Theory (1983) to examine formal and syntactic structures, and Grice's Pragmatic Theory (1975) to classify thematic content based on implied meanings and communicative intent. The findings show that ramban poems are rich in stylistic devices such as hyperbole, assonance, alliteration, metonymy, anaphora, symploce, satire, cynicism, syncope, simile, homoioteleuton, connotation, denotation, free imagery, collocation, and polysyndeton. Structurally, each poem includes a prologue, body, and epilogue, often employing parallelism. The poems range from 7 to 32 lines, with 3 to 11 words per line. Prosodic elements such as rhythm, rhyme, pause, dysphemism, and emotional tone contribute to their musical quality. Thematically, ramban explores aspects of communal life, education, familial ties, love, and modesty. Functionally, it serves as a medium for delivering advice, satire, encouragement, behavioural critique, and expressions of sorrow or discontent. This poetry reflects the identity and cultural values of the Iban people. This study not only documents a rich literary tradition but also supports the preservation and global recognition of Iban oral heritage.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.8.1 Masyarakat	19
1.8.2 Badan Organisasi	20
1.8.3 Institut Pengajian Tinggi Dan Sekolah	20

1.9 Definisi Operasional	22
1.9.1 Struktur	22
1.9.2 Fungsi	23
1.9.3 Puisi	24
1.9.4 <i>Ramban</i>	24
1.10 Kesimpulan	25
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	26
2.2 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Iban	27
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Etnik Di Sabah	34
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Melayu	36
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Lain Di Malaysia	37
2.6 Kajian Lepas Berkaitan Teori Strukturalisme	40
2.7 Kajian Lepas Berkaitan Teori Pragmatisme	43
2.8 Kesimpulan	46
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Teori Kajian	50
3.3.1 Teori Strukturalisme	50
3.3.2 Teori Pragmatisme	56
3.4 Instrumen Kajian	61
3.5 Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	62
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	63
3.6.1 Kaedah Kepustakaan	64

3.6.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks	65
3.7 Prosedur Penganalisan Data	65
3.8 Kesimpulan	70
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	72
4.2 Struktur Puisi <i>Ramban</i> dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	73
4.2.1 Struktur Elemen Gaya Bahasa Puisi <i>Ramban</i> Dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	73
4.2.2 Struktur Elemen Bait Puisi <i>Ramban</i> Dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	93
4.2.3 Struktur Elemen Prosodi Puisi <i>Ramban</i> Dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	112
4.3 Tema Puisi <i>Ramban</i> dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	134
4.3.1 Tema Hidup Bermasyarakat	134
4.3.2 Tema Kepentingan Pendidikan	138
4.3.3 Tema Kekeluargaan	142
4.3.4 Tema Percintaan	148
4.3.5 Tema Kesederhanaan Dalam Penampilan	152
4.4 Fungsi Puisi <i>Ramban</i> dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Pragmatisme oleh Grice (1975)	155
4.4.1 Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Memberi Pertolongan	156
4.4.2 Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Memberi Nasihat	157
4.4.3 Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Menyindir Seseorang	159

4.4.4	Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Nekat Melakukan Sesuatu	160
4.4.5	Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Menegur Perbuatan Seseorang	162
4.4.6	Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Kesedihan dan Kerisauan	163
4.4.7	Fungsi <i>Ramban</i> Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Ketidakpuasan Hati	165
4.5	Kesimpulan	166
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	168
5.2	Perbincangan	169
5.2.1	Struktur Puisi <i>Ramban</i>	169
5.2.2	Tema Puisi <i>Ramban</i>	173
5.2.3	Fungsi Puisi <i>Ramban</i>	177
5.3	Rumusan Kajian	180
5.4	Implikasi Kajian	182
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	183
5.6	Penutup	185
RUJUKAN		187
LAMPIRAN		191

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	49
3.2	Elemen Gaya Bahasa, Bait dan Prosodi Untuk Mengkaji Struktur Puisi <i>Ramban</i>	52
3.3	Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Struktur	68
3.4	Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Tema	69
3.5	Kaedah Grice – Pemprosesan Data Fungsi	70
4.1	Elemen Gaya Bahasa Simplot Dalam Puisi <i>Ramban</i>	74
4.2	Elemen Gaya Bahasa Polysyndeton Dalam Puisi <i>Ramban</i>	75
4.3	Elemen Gaya Bahasa Anafora Dalam Puisi <i>Ramban</i>	76
4.4	Elemen Gaya Bahasa Asonansi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	78
4.5	Elemen Gaya Bahasa Aliterasi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	79
4.6	Elemen Gaya Bahasa Simile Dalam Puisi <i>Ramban</i>	80
4.7	Elemen Gaya Bahasa Satira Dalam Puisi <i>Ramban</i>	82
4.8	Elemen Gaya Bahasa Homoioteleuton Dalam Puisi <i>Ramban</i>	83
4.9	Elemen Gaya Bahasa Sinisme Dalam Puisi <i>Ramban</i>	84
4.10	Elemen Gaya Bahasa Kolokasi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	85
4.11	Elemen Gaya Bahasa Citra Bebas Dalam Puisi <i>Ramban</i>	87

4.12	Elemen Gaya Bahasa Hiperbola Dalam Puisi <i>Ramban</i>	88
4.13	Elemen Gaya Bahasa Konotasi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	89
4.14	Elemen Gaya Bahasa Responsi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	91
4.15	Elemen Gaya Bahasa Sinkop Dalam Puisi <i>Ramban</i>	91
4.16	Elemen Gaya Bahasa Denotasi Dalam Puisi <i>Ramban</i>	92
4.17	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	93
4.18	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	95
4.19	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai</i>	97
4.20	Elemen Bait dalam Puisi <i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	99
4.21	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	101
4.22	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	102
4.23	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	104
4.24	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	106
4.25	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta</i>	108
4.26	Elemen Bait Dalam Puisi <i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	110
4.27	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	112
4.28	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	113
4.29	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Indu Dara Enggai Ngibun Indai</i>	116
4.30	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Nganu</i>	118

Orang Indu Ti Salah Pengawa

4.31	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	119
4.32	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	121
4.33	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	122
4.34	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	124
4.35	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	127
4.36	Elemen Prosodi Dalam Puisi <i>Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta</i>	128
4.37	Rumusan Huraian Dapatan Struktur Puisi <i>Ramban</i> dalam Buku <i>Leka Main Asal Iban</i> Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	130



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Carta Alir <i>Leka Main</i> Masyarakat Iban	9
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	16
3.1	Kerangka Teori Kajian	50
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	63
3.3	Prosedur Menganalisis Data	66





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

A Transkrip Teks Puisi-Puisi *Ramban*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Tradisi lisan merujuk kepada segala bentuk warisan dan tradisi yang lahir dalam sesuatu kelompok masyarakat seperti cerita rakyat, puisi rakyat, drama rakyat dan permainan tradisional. Hasil karya masyarakat tersebut dibina oleh persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan masyarakat. Tradisi lisan kebiasaannya dihasilkan oleh masyarakat dan disebarkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan. Tradisi lisan khususnya sastera lisan zaman dahulu masih bersifat tradisional dan ketinggalan dari segi teknologi. Patricia dan Asmiaty (2021), menjelaskan sastera lisan dihasilkan oleh masyarakat yang masih mengamalkan sistem sosial yang terikat dengan semangat kerjasama, kolektif dan masyarakat yang masih statik serta tidak mempunyai banyak hubungan dengan masyarakat luar.

Masyarakat Iban merupakan masyarakat peribumi di Borneo yang memiliki sastera rakyatnya tersendiri sama seperti yang dimiliki masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia dan peribumi lain di Kepulauan Borneo. Pegangan yang





teguh terhadap adat resam menyebabkan mereka mencipta panduan dan peraturan-peraturan hidup menerusi tradisi lisan yang mengandungi pelbagai maklumat penting yang tersirat dan tersurat serta berkait rapat dengan pelbagai aspek kehidupan, warisan dan kegiatan ekonomi masyarakat Iban. Perkara ini menunjukkan masyarakat Iban telah menggunakan tradisi lisan yang berbentuk puisi tradisional atau *leka main* seperti *pantun*, *dunggai*, *jawang*, *ramban* dan sebagainya sebagai cara meluahkan perasaan.

Kaum Iban amat unik dan kaya dengan sastera, adat resam dan kebudayaan yang diwarisi turun-temurun. Antaranya ialah puisi masyarakat Iban yang tersebar melalui lisan dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Puisi rakyat masyarakat Iban di Sarawak disebut sebagai *leka main*. Bruggeman (1987), menyatakan *leka* maksudnya 'benih' tetapi ia juga bererti 'perkataan', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. Manakala *main* pula merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan ritual dan hiburan. Oleh yang demikian, *leka main* ialah satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri.

Puisi rakyat Iban ini adalah menarik dan indah setiap ungkapan baitnya dari segi bunyi, rentak, diksi, tekanan dan perulangan. Pada masa yang sama, ia juga menggunakan bahasa yang indah untuk menceritakan kecantikan wanita dan ketampanan lelaki masyarakat Iban, cara perhiasan, keberanian, ilmu pengetahuan dan seumpamanya. Chemaline (2006), menyatakan bahawa *leka main* mencerminkan cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban, iaitu memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat mereka. Oleh itu, melalui *leka main* dapat diketahui gaya pemikiran, falsafah hidup, sejarah silam, susunan masyarakat dan amalan atau kepercayaan masyarakat Iban.





Leka main masyarakat Iban dapat dilihat dalam salah satu puisi masyarakat Iban yang dikenali sebagai *ramban*. *Ramban* ialah satu jenis puisi rakyat Iban yang masih terkenal sehingga kini. *Ramban* merupakan puisi tradisional kaum Iban dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja. Jimmy (1993), menjelaskan *ramban* dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan hari keramaian tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. Oleh itu, *leka main* amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian kerana ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat dua buah teori yang digunakan, iaitu teori strukturalisme dan teori pragmatisme. Teori Strukturalisme digunakan untuk menganalisis lapisan bahasa yang membina struktur dan tema puisi *ramban* dan teori pragmatisme menjelaskan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Sarawak mempunyai lebih daripada 40 kumpulan sub-etnik dengan bahasa yang berbeza, pelbagai kebudayaan dan gaya hidup. Suku kaum peribumi ini menganut pelbagai agama, kepercayaan dan mempunyai adat resam serta budaya masing-masing dalam menuturkan bahasa dan dialek yang berbeza-beza mengikut daerah-daerah kediaman di kawasan pedalaman. Rosnah (2016), menjelaskan suku kaum di Sarawak terdiri daripada tiga suku kaum Dayak, iaitu Dayak Iban, Dayak





Bidayuh dan Orang Ulu. Kaum Iban merupakan etnik yang terbesar di Sarawak dan kebanyakan tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan hulu-hulu sungai di negeri Sarawak. Berdasarkan statistik pada tahun 2023, sebanyak 1.73 juta penduduk berbangsa Dayak di Sarawak, sekaligus menjadikan bangsa Dayak sebagai kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak. Etnik Iban merupakan etnik majoriti di Sarawak, dengan populasinya sebanyak 1.18 juta penduduk pada tahun 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia, 2024).

Kaum Iban dikatakan berasal dari Kalimantan, Indonesia. Mereka memasuki Sarawak melalui Batang Ai, Kapuas. Tambahan itu, ada juga menyatakan masyarakat Iban berasal dari Kapuas dan berpindah ke Kumpang. Kemudian masyarakat Iban pada masa itu dipengaruhi oleh seorang pemimpin kaum Iban yang bernama *Lelang Belayan* supaya mengubah haluan ke hulu Sungai Kumpang yang menghala ke Lubok Antu dan seterusnya menetap di kawasan Sungai Batang Lupar yang dikenali sebagai Batang Ai. Dari Batang Ai, masyarakat Iban berpindah pula ke anak-anak sungai di Ulu Ai dan menetap di Delok, Mepi, Jinggin, Engkari, Skrang dan Lemanak. Selain itu, masyarakat turut mendiami kawasan Sungai Undup dan Wong Tempangau di bawah pimpinan Kajup.

Istilah Iban membawa pelbagai pengertian yang menjadi identiti kepada kaum itu sendiri. Anthony Richard pada tahun 1981 merungkai pelbagai maksud istilah Iban dalam kamus *An Iban-English Dictionary*. Istilah Iban dikatakan berasal daripada suku kaum Kayan yang sama menetap di Sarawak. Suku kaum Kayan merupakan suku kaum yang dikategorikan sebagai Orang Ulu di Sarawak. Terdapat pelbagai suku kaum dalam kategori ini seperti Lun Bawang, Kelabit, Kenyah, Penan, Saban, Lahanan dan Punan. Bagi orang Kayan menyebut *Iban* sebagai *Hivan*, *Divan* atau *Iban* yang membawa maksud anak menantu. Panggilan *Hivan* membawa rasa hormat, sayang dan manja. Jadi, dapat dirangkumkan pandangan Richard iaitu *Iban*





bererti hormat, sayang sehingga nama pun tidak disebut apabila memanggil anak menantu. Pada masa yang sama terjadi dalam etnik Lun Bawang yang turut memanggil anak menantu mereka *Iban*.

Penjelasan istilah *Iban* tersebut menunjukkan *Iban* membawa maksud yang baik, kasih sayang dan hormat. Ini menjelaskan masyarakat *Iban* harus berusaha mempertahankan maksud *Iban* itu dalam kehidupan seharian. Tidak keterlaluan jika dirumuskan bahawa istilah *Iban* yang digunakan untuk menggambarkan masyarakat Iban di Sarawak ialah masyarakat yang berbudi bahasa dan penuh dengan kasih sayang. Malah, maksud *Iban* yang lebih umum bagi sesetengah masyarakat Iban di Sarawak ialah manusia (Nelson, 2017).

Majoriti masyarakat Iban adalah beragama Kristian. Kristian datang ke Sarawak pada awal abad ke-19, dipercayai dibawa oleh keluarga Brooke yang ketika itu memerintah Sarawak. Kini, walaupun kebanyakan masyarakat Iban penganut agama Kristian tetapi masih ramai berpegang kepada kepercayaan lama, iaitu animisme. Amalan animisme merupakan amalan yang paling tua dan masih dipraktikkan oleh sebahagian besar masyarakat Iban. Amalan ini mempercayai kewujudan roh-roh, dewa-dewa, penunggu dan beberapa perkara yang berkaitan dengan semangat.

Menurut Freeman (1970), masyarakat Iban mempercayai setiap makhluk di dunia ini mempunyai roh. Manusia yang telah mati akan menjadi *antu* (hantu), *jelu* (binatang), *indu utai* (serangga), *kayu* (pokok) dan sebagainya. Mereka percaya selepas kematian, roh akan melayang ke udara. Roh masih mempunyai hubungan dengan keluarga si mati. Justeru, ahli keluarga si mati perlu menguruskan jenazah dengan baik ketika pengebumian dilakukan. Keluarga si mati perlu menjamu roh dengan makanan yang lazat yang menjadi kegemaran si mati ketika masih hidup.





Makanan itu perlu diletakkan di atas kubur si mati dan dengan cara itu roh akan tenteram.

Tambahan itu, masyarakat Iban mempercayai kuasa yang ada pada sesuatu benda seperti pokok besar, batu besar atau apa-apa sahaja yang dianggap unik mempunyai kuasa yang tersendiri. Kuasa ini mampu memberi kecelakaan kepada mereka sehingga boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit. Bagi mengelakkan kecelakaan ini, mereka sentiasa berhati-hati dalam melakukan pekerjaan. Masyarakat Iban juga mempercayai semangat, iaitu semua tempat dan objek mempunyai *semangat* yang tersendiri. Kawasan yang hendak diterokai juga dikatakan mempunyai *semangat*. Apabila seseorang itu hendak meneroka petempatan baru atau mendirikan rumah, perlu mengadakan semahan atau tilikan bagi memastikan kawasan baru itu tidak mendatangkan penyakit atau kesan yang buruk kepada seseorang individu.



Selain itu, masyarakat Iban kaya dengan pelbagai kepercayaan. Kepercayaan bukan sahaja lahir daripada pegangan hidup sejak kecil, tetapi juga melalui lisan. Kepercayaan secara lisan disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Pada masa yang sama, masyarakat Iban berpegang teguh dengan adat yang diwarisi turun-temurun dan ditulis dalam *papan turai* oleh *tuai raban bansa* dengan berpandukan nasihat *beliau* dan *lemambang*. Misalnya, apabila seseorang mendirikan rumah, kawasan tanah yang hendak didirikan rumah perlu disemah terlebih dahulu. Jika ada petanda-petanda lain seperti bunyi *burung ketupung* dan *burung beragai* adalah sebagai petunjuk dan alamat dalam menentukan kesesuaian tapak. Semua petanda akan ditafsirkan oleh *beliau* dan *manang* sebagai mematuhi adat supaya orang yang bakal mendiami petempatan baharu tidak mendapat kecelakaan. *Beliau* atau *manang* akan menterjemahkan mimpi tersebut sebagai alamat tentang sesuatu yang bakal berlaku. Oleh itu, bagi mengelakkan alamat yang





boleh mendatangkan kecelakaan, upacara seperti *ngintu burung* dan *belian* akan dijalankan mengikut adat dan dirujuk kepada *tuai raban bansa*.

Begitu juga dengan *leka main* atau puisi masyarakat Iban adalah satu cabang sastera lisan yang berkembang dalam kalangan masyarakat Iban tradisional sehingga kini. *Leka main* wujud hasil daripada keperluan dan kepentingannya dalam masyarakat Iban semenjak dahulu lagi. Kepentingan dan keperluan ini yang membawa kepada penyampaian luahan perasaan, pengalaman, gambaran kehidupan dan kesusasteraan yang dinyatakan dalam pelbagai bentuk termasuklah puisi *ramban* masyarakat Iban.

Ramban ialah satu jenis puisi rakyat Iban yang masih terkenal sehingga kini. *Ramban* merupakan puisi tradisional kaum Iban dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja. *Ramban* dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. Oleh itu, *leka main ramban* amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian kerana bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka.

Chemaline (2006), pengertian *leka main* dalam kesusasteraan masyarakat Iban berasal daripada *leka* bermaksud biji yang mempunyai konotasi dengan benih, asal permulaan sesuatu. Benih akan menghasilkan sesuatu perkara yang lebih menonjol dan membawa pelbagai faedah kepada manusia. Sebagai contoh, padi yang menghasilkan beras bermula dengan sebiji benih. Hasilnya memberi kehidupan kepada manusia. *Leka* juga membawa maksud kata. Maka *leka main* bermaksud kata-kata yang digunakan untuk mencipta ujaran dan puisi. Oleh itu, *leka main* ialah






puisi rakyat Iban yang terdiri daripada *leka* atau benih, yakni kata-kata yang digunakan untuk menghasilkan puisi-puisi yang indah dan membawa pelbagai mesej dan pengertian yang mendalam kepada masyarakat Iban.

Main dalam konteks kesusasteraan Iban bermaksud seni. Chemaline (2006), menyatakan *main* adalah keseluruhan isi puisi yang disampaikan secara lisan dengan pengertian tertentu. Sebagai contoh, apabila *leka main* dideklamasikan atau dinyanyikan dalam upacara ritual sebelum memulakan peperangan zaman dahulu bertujuan untuk memanggil *petara* (dewa dari kayangan) untuk membantu dalam perjuangan mereka. Kedatangan *Petara* bukan dalam bentuk manusia biasa tetapi dalam pelbagai bentuk atau jelmaan seperti serangga berbisa yang akan menyerang para musuh terlebih dahulu sebelum pertempuran sesama manusia berlaku. Ini menggambarkan betapa pentingnya sesebuah *leka main* dinyanyikan atau dilafazkan, dan biasanya upacara ini diikuti dengan ritual tertentu yang berkaitan maksud atau tujuan sesuatu *leka main* itu *disadaka* (dideklamasikan). *Leka main* dalam masyarakat Iban dibahagikan kepada tiga, iaitu *pemerindang*, *adat basa* dan *invokasyen* seperti dalam Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1*Carta Alir Jenis Leka Main Masyarakat Iban*

Diadaptasi dari Chemaline, 2006

Berdasarkan Rajah 1.1 menjelaskan pembahagian kategori *leka main* atau puisi dalam masyarakat Iban. *Leka main* Iban atau puisi rakyat dalam masyarakat Iban boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu *pemerindang* untuk tujuan hiburan atau bersantai yang dideklamasikan semasa majlis-majlis tertentu, *leka main adat basa* bertujuan menunjukkan hormat kepada *Petara* atau Tuhan dan *leka main invokasyen* untuk menyeru *Petara* agar membantu dan memberi pertolongan



(Chemaline, 2006). Ini menjelaskan bahawa *leka main* mempunyai tujuan dan sebab tertentu untuk dideklamasikan atau disampaikan. Ini mempunyai perkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban yang percaya kepada *pengarap lama* (kepercayaan tradisional) dengan pimpinan *Petara* dalam kehidupan seharian.

Leka main kategori *pemerindang* (hiburan) untuk tujuan hiburan semata-mata kerana ia disampaikan ketika majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan atau lawatan orang-orang kenamaan (Chemaline, 2006). Antara *leka main pemerindang* (hiburan) terdiri daripada *ai ansah, dungai, ensera, entelah, ganu, jawang, main anak mit, pantun, pelandai karung, renung semain, pelandai ara* dan *ramban*. *Ai ansah* adalah sebuah puisi yang dideklamasikan untuk menjemput tetamu khas menyampaikan ucapannya di majlis-majlis tertentu. Kebiasaannya *ai* (air minuman) yang telah disediakan akan diberikan kepada tetamu itu untuk diminum sebaik sahaja puisi *ai ansah* selesai dideklamasikan. *Ansa* bermaksud menajamkan kata-kata dan suara seseorang ketika menyampaikan ucapannya. Perkara yang sama juga dengan jenis-jenis puisi yang lain dalam kategori *pemerindang*, yang mana setiap satunya mempunyai maksud dan tujuan tertentu.

Seterusnya, *leka main adat basa* (hormat) yang menekankan penciptaan puisi yang menggabungkan bahasa kiasan serta mementingkan unsur keindahan dalam kata-kata penyampainya. *Leka main adat basa* terdiri daripada *dungai, geliga, tanya indu, renung adat, kujuk panggang, nan kuta* dan *muka kuta*. Sebagai contoh, *leka main geliga* merupakan puisi yang memberi peringatan atau nasihat yang harus diikuti sepanjang majlis berlangsung. Setelah semua tetamu sampai dan mengambil tempat duduk masing-masing maka orang yang dipilih akan menyampaikan *geliga* untuk memperingatkan para tetamu agar mematuhi segala peraturan sepanjang majlis. Oleh itu, untuk menjadikan *leka main geliga* itu unik, tidak disampaikan dengan bahasa harian biasa tetapi dengan bahasa kiasan yang mengandungi





keindahan agar orang ramai yang mendengarnya tidak merasakan sebagai sesuatu amaran keras tetapi lebih kepada seni sastera yang penuh keharmonian untuk dipatuhi. Ini menjelaskan masyarakat Iban menunjukkan adat hormat kepada tetamu yang hadir agar mematuhi peraturan bagi menjamin keharmonian.

Kategori *leka main* yang ketiga, iaitu invokasyon (invokasi) yang bertujuan untuk berdoa memohon pertolongan daripada *Petara* (Tuhan) yang dipercayai boleh membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. *Leka main* invokasi terdiri daripada *sampi, pengap, sabak, pelian, biau, timang, sugi sakit, renung* dan *pelandai sakit*. Contohnya, *leka main sugi* yang terdiri daripada dua, iaitu *sugi semain* yang dilagukan untuk hiburan dan *sugi sakit* dianggap suci untuk tujuan penyembuhan. *Sugi semain* mengisahkan cerita tentang *Keling* (makhluk ghaib separa dewa) yang dikenali sebagai Bujang Sugi dalam sugi tersebut. *Sugi sakit* pula dilagukan untuk menyembuhkan penyakit. Apabila *sugi sakit* dinyanyikan untuk tujuan penyembuhan, keadaan ini disebut *besugi sakit*. Ini menunjukkan *leka main* invokasi bertujuan untuk penyembuhan daripada penyakit dan membantu untuk menjaga keselamatan dalam situasi yang memberhaya (Chemaline, 2006). Jelaslah bahawa *leka main ramban* sarat dengan struktur merangkumi elemen gaya bahasa, bait, prosodi, tema serta fungsi dalam masyarakat Iban perlu dikaji.

1.3 Pernyataan Masalah

Leka main merupakan khazanah warisan budaya yang mencerminkan nilai, pemikiran dan identiti masyarakat Iban. Pengamal ritual yang dikenali sebagai *lemambang* mempunyai kemahiran yang tinggi di setiap penggunaan dan penyusunan ungkapan yang dituturkan secara spontan dalam melafazkan sesebuah *leka main*. Namun betu, pada masa kini dapat dilihat melalui kekurangan penekanan





daripada orang tua yang arif dalam *ramban* ini menjadikan ramai generasi muda hari ini mengalami kesukaran dalam memahami aspek tema dan struktur yang terdapat dalam *ramban* (Rosline, 2011). Keadaan ini semakin menjadi kritikal apabila orang yang arif dan berpengalaman dalam *ramban* semakin berkurangan dan menyebabkan kesukaran dalam mendapat panduan dan sumber dalam penyusunan lapisan bahasa dan aturan *ramban* tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan tentang keunikan tradisi lisan dalam masyarakat Iban khususnya puisi *ramban*.

Seminar Budaya Iban Siri 2 yang diadakan pada 11 Oktober 2017 di Sibul Sarawak anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang dengan kerjasama *Association for the Educational Development of Iban Language* (AEDIL) bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para peserta tentang perubahan dan cabaran yang melanda masyarakat Iban, khasnya dari segi kerelevanan sesetengah amalan tradisional masyarakat Iban dalam era globalisasi. Generasi muda masa kini dan masyarakat Iban khususnya didapati kurang pengetahuan dan kesedaran mengenai amalan tradisi, kesusasteraan dan budaya yang menjadi panduan untuk memahami dan mengetahui sejarah kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Justeru itu, seiringan dengan usaha untuk memantapkan Bahasa Iban sebagai bahasa pengantaraan ilmu dan sebagai wadah untuk memupuk kesedaran tentang kebudayaan Iban dalam kalangan generasi muda maka kajian ini harus dijalankan bertujuan untuk percambahan dan perkongsian ilmu. Kajian ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dalam memahami sesebuah puisi *ramban* dan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat Iban tetapi dapat mengangkat perbincangan tentang kebudayaan Iban ke satu landasan yang lebih bermakna dalam konteks diskusi ilmiah dan seterusnya mencetuskan budaya intelektual.





Leka main turut diajar di sekolah di Sarawak seperti puisi dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan buku teks Bahasa Iban sekolah rendah memperlihatkan *ramban* kurang berbanding dengan genre lain dalam pembelajaran kemahiran *bungai jaku*. Malah terdapat guru-guru bukan pengkhususan dalam Bahasa Iban yang kurang pengetahuan menyampaikan *leka main* serta kurang kepercayaan diri untuk mengajar puisi lisan masyarakat Iban (Magdeline & Zamri, 2014). Ini memberi tempas yang negatif terhadap penguasaan kemahiran *bungai jaku* oleh murid dalam memahami dan mendalami puisi *ramban* kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan terhadap aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Situasi ketidakarifan dalam bahasa dan *leka main* sendiri menyebabkan mereka kurang minat untuk mempelajari *leka main*.

Amalan tradisi ini semakin terpinggir disebabkan orang Iban menganuti kepercayaan baharu seperti Kristian. Hal ini memberi impak yang negatif dalam mengekalkan tradisi lisan kaum Iban dan seterusnya hilang ditelan zaman (Asmah Omar, 1981). Perkembangan ilmu moden yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris diteruskan oleh pemerintah di Sarawak telah membentuk cara berfikir suku kaum Iban supaya menolak kepercayaan tradisi termasuk peristiwa yang luar biasa (Postill, 2003). Penolakan ini menyebabkan masyarakat Iban khususnya generasi muda kurang meminati *ramban* dan seterusnya sukar memahami tema, struktur dan fungsi yang terkandung dalam *leka main ramban*.

Ramban merupakan khazanah masyarakat Iban yang tiada ternilai harganya kerana diwarisi turun-temurun sejak dahulu lagi. Malah setiap puisi yang dinyanyikan sarat dengan pengajaran, nilai moral dan didikan. Mesej yang disampaikan dalam *ramban* untuk mengingat, menegur dan menasihati pendengar dalam kalangan masyarakat Iban agar cara hidup dan adat istiadat sentiasa terpelihara. Masalah utama dalam kalangan ahli masyarakat Iban, iaitu tidak memahami perbezaan





sesebuah puisi. Hal ini kerana, penggunaan bahasa dalam struktur setiap puisi masyarakat Iban memerlukan kognitif yang tinggi untuk difahami dan dinyanyikan (Nor Hashimah, 2014). Ini menyebabkan generasi muda pada masa kini kurang meminati puisi tradisional apabila *ramban* dinyanyikan dengan elemen struktur yang pelbagai. Selain itu, pengajaran formal di sekolah turut menerima tempas, iaitu penerapan secara menyeluruh tentang pengamalan dan pemahaman puisi tradisional semakin berkurang.

Kesukaran memahami sastera lisan diperakui sendiri dalam kalangan masyarakat Iban khususnya para pendidik Bahasa Iban (Rosline, 2011). Bahasa tersirat yang mendasari struktur puisi *ramban* dan perlu dinyanyikan atau didendangkan dengan kebolehan menggunakan bahasa kiasan dan pengetahuan yang mendalam mengenai aspek struktur yang mendasari sebuah *ramban* yang mempunyai fungsi dalam penyampaian. Penggunaan lapisan bahasa yang pelbagai juga menjadi satu punca generasi muda sukar untuk memahami maksud yang tersurat dan tersirat dalam *ramban*. Tradisi lisan membantu masyarakat memahami dan mengetahui sejarah kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Sekiranya tiada kesedaran tentang kepentingan tradisi sendiri daripada masyarakat, tradisi lisan kehilangan fungsi dalam kehidupan sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membantu generasi muda memahami, meneliti dan menganalisis setiap aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Pelbagai kajian yang telah dilakukan terhadap puisi masyarakat Iban, namun tidak ada yang mengkaji puisi *ramban*. Antara penyelidikan tersebut ialah *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi* yang dikaji oleh Chemaline (2006) yang menganalisis puisi rakyat Iban yang dikenali sebagai *leka main* memberi perhatian kepada bentuk, stail dan struktur. Seterusnya, kajian *Struktur dan Pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan* oleh Nelson (2017) yang menganalisis struktur





dan fungsi puisi *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Selain itu, Jessica (2020) yang menjalankan kajian *Unsur yang Membentuk Metafora Dalam Biau* dengan berfokuskan kepada analisis unsur alam yang membentuk metafora dalam puisi *Biau*. Oleh itu, kajian mengenai puisi *ramban* yang berfokuskan kepada analisis tema, struktur dan fungsi haruslah dilakukan agar dapat menjadi sumber rujukan kepada masyarakat Iban khususnya generasi muda, guru-guru dan penyelidik yang lain.

1.4 Objektif kajian

Berikut merupakan objektif yang hendak dicapai dan digunakan sebagai dasar dalam kajian ini:

- i. Mengetahui struktur puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983).
- ii. Menganalisis tema puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983).
- iii. Mengkategorikan puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* mengikut fungsi dalam masyarakat Iban berdasarkan teori pragmatisme oleh Grice (1975).

1.5 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian tersebut, soalan kajian turut dinyatakan seperti berikut:

- i. Apakah struktur yang membentuk puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme?




- ii. Bagaimanakah tema puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dianalisis menggunakan teori strukturalisme?
- iii. Bagaimanakah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dikategorikan mengikut fungsi dalam masyarakat Iban berdasarkan teori pragmatisme?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berikut merupakan kerangka konseptual kajian:

Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian





Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dijadikan panduan bagi menjalankan kajian ini. Terdapat dua teori yang digunakan, iaitu teori strukturalisme untuk menganalisis tema dan struktur puisi *ramban* manakala teori pragmatisme diaplikasi untuk mengkategorikan puisi *ramban* mengikut fungsi dalam masyarakat Iban. Kajian kepustakaan yang memfokuskan analisis teks dan kandungan dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy (1993).

1.7 Batasan Kajian

Kajian teks ini dijalankan untuk mengupas satu genre puisi rakyat Iban, iaitu *ramban* sebagai karya kesusasteraan masyarakat Iban yang kurang mendapat perhatian. Kajian memfokuskan kepada mengenal pasti tema, menganalisis struktur serta mengkategorikan fungsi *ramban* yang terkandung dalam sepuluh buah puisi *ramban* yang terpilih dalam buku *Leka Main Asal Iban* susunan Jimmy Donald pada tahun 1993. Terdapat dua puluh tujuh buah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dan sepuluh buah puisi yang dipilih kerana puisi yang dipilih mempunyai aspek tema, struktur dan fungsi yang berbeza. Kupasan kajian adalah untuk membuktikan puisi *ramban* memiliki tema, struktur dan fungsi yang mempunyai perkaitan dengan bidang kesusasteraan dan kehidupan masyarakat Iban.

Kajian aspek struktur difokuskan kepada pembinaan sesebuah puisi *ramban* daripada bahagian permulaan, isi dan penutup. Sehubungan itu, teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) digunakan untuk menganalisis struktur dan tema yang membentuk puisi *ramban*. Kajian ini memfokuskan struktur yang membentuk puisi *ramban*, iaitu unsur gaya bahasa, bait dan prosodi. Aspek gaya bahasa memberi tumpuan kepada pemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh penulis atau pengarang dalam sesebuah karya untuk menyampaikan ceritanya. Diksi





dikaitkan dengan pemilihan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea dalam sesebuah karya. Bait pula memberi tumpuan kepada penyusunan baris atau rangkap untuk menghasilkan struktur sesebuah karya manakala prosodi menekankan aspek persajakan dan rima. Struktur ini dihasilkan oleh simbol-simbol fonem yang membentuk kata-kata yang menjadi tanda linguistik.

Seterusnya, dalam mengkategorikan fungsi *ramban*, teori pragmatisme oleh Grice (1975) digunakan dianalisis maknanya dengan kaedah implikatur, yang hanya mengambil kira tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam puisi *ramban*. Implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat. Tambahan itu, implikatur perbualan dianggap sebagai satu kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar mengenai apa-apa yang ingin atau hendak disampaikan oleh seorang penutur atau penyair untuk pendengar membuat andaian. Teori pragmatisme bukan sahaja mampu menghuraikan makna yang tersurat, malahan mampu menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat dalam sesebuah puisi *ramban*.

Kajian ini dilaksanakan menggunakan sumber sekunder, iaitu buku *Leka Main Asal Iban* susunan Jimmy Donald (1993). Kajian difokuskan kepada kaedah kepustakaan kerana sumber puisi *ramban* amat kurang dan pengamal yang mahir dalam mendeklamasikan puisi turut kurang. Justeru, kajian menekankan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan sepanjang proses pengumpulan data kajian.





1.8 Kepentingan Kajian

1.8.1 Masyarakat

Ramban merupakan puisi tradisional kaum Iban yang hidup dan amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian. Selain itu, *ramban* bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi menjadi aktiviti selingan untuk memanjangkan malam apabila berkait dengan adat istiadat dan upacara keagamaan. Sebagai langkah untuk mengekalkan tradisi lisan ini, kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan baharu serta pengetahuan yang lebih mendalam mengenai aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian ini penting sebagai pendukung kepada masyarakat Iban untuk memahami setiap rangkap *ramban* berdasarkan tema, struktur dan fungsinya agar *ramban* tidak hilang ditelan zaman. Puisi lisan yang dihasilkan sejak turun-temurun mempunyai pengertian serta fungsi berdasarkan kepercayaan, adat dan budaya masyarakat Iban. *Ramban* mempunyai tema, struktur dan fungsi yang tersendiri serta dapat memberi impak yang positif dalam menyalurkan nilai-nilai budaya, sosial, adat istiadat dan sebagainya yang menjadi pegangan hidup, pengalaman dan pengajaran kepada masyarakat Iban.

Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat Iban yang meminati *leka main* khususnya *ramban* agar belajar lebih mendalam mengenai aspek tema yang terkandung dalam *ramban* serta lapisan bahasa yang mendasari struktur sesebuah *ramban* dan bukan sekadar pandai melafazkan bait-bait *ramban* tanpa mengetahui maksud yang tersurat dan tersirat.





1.8.2 Badan Organisasi

Badan organisasi yang sentiasa menyokong pelajar, pengkaji dan masyarakat Iban dalam mempromosikan budaya, kesenian dan bahasa Iban yang dikenali sebagai Tun Jugah Foundation (TJF) yang terletak di Kuching, Sarawak. Tujuan penubuhan Tun Jugah Foundation ini untuk menjalankan penyelidikan dan menyediakan bahan intelektual serta sumber rujukan pendidikan seperti penerbitan untuk sarjana dan masyarakat Iban. Tambahan itu, TJF turut mengumpul, merekod, menterjemah, menyalin serta mentafsir semua bentuk puisi lisan dan adat istiadat masyarakat Iban. Bahkan TJF turut mengalakkan penyelidik untuk menyumbang kajian mengenai kesusasteraan lisan Iban. Justeru kajian ini dapat menjadi rujukan kepada TJF serta pengkaji lain yang ingin mempelajari puisi lisan khususnya *ramban*.



1.8.3 Institut Pengajian Tinggi dan Sekolah

Kajian ini diharap dapat membantu pengkaji yang lain untuk menambahkan pengetahuan dan sebagai sumber rujukan tambahan. Selain itu, dapat membantu para pendidik di peringkat Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan guru-guru yang mengajar di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dapat menjadi panduan kepada pendidik yang mengajar Bahasa Iban untuk mengetahui mesej yang ingin disampaikan disamping mendalami aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Melalui kajian ini, diharapkan *ramban* menjadi salah satu genre lisan atau tatapan pelajar yang ingin menelusuri tentang keindahan gaya bahasa dan disiplin ilmu kata yang terdapat dalam puisi *ramban*. Disamping itu, kajian ini akan merungkai maksud yang tersurat





dan tersirat serta tujuan penyampaian *ramban* yang merupakan salah satu cabang puisi lisan sama ada bertujuan untuk menasihati, menyindir, menegur, mengingatkan dan menghibur pendengar.

Kajian ini juga menjadi panduan kepada golongan pendidik masyarakat Iban untuk memahami aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* yang disalurkan kepada pelajar atau generasi muda. Melalui kajian ini, pengajaran dan pembelajaran kemahiran *bungai jaku* (seni bahasa) antara guru dengan pelajar menjadi lebih mudah dengan adanya rujukan sebagai panduan. Penyelidikan yang berfokuskan kepada struktur *ramban* ini dapat membimbing pelajar dan masyarakat Iban untuk mempelajari struktur yang mendasari sesebuah puisi *ramban* dari aspek gaya bahasa, bait dan prosodi. Ini memberi tempas yang positif kepada puisi lisan untuk dijadikan tatapan masyarakat sama ada untuk tujuan sumber rujukan, pemantapan *ramban* dan wadah pengajaran bahasa Iban. Justeru kajian ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada generasi muda serta rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji keindahan dan keunikan puisi lisan yang menggambarkan sosiobudaya serta adat istiadat masyarakat Iban.

Seterusnya, dapat memupuk nilai sayang dan cinta kepada amalan tradisi sama ada dalam kesusasteraan, adat resam dan kebudayaan masyarakat Iban itu sendiri. Ini sekaligus dapat memberi kesedaran kepada generasi muda untuk menerapkan amalan tradisi yang diwarisi turun-temurun dan berusaha untuk mempertahankan tradisi lisan agar tidak mati ditelan zaman.





1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional berikut memaparkan istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.9.1 Struktur

Aminuddin (2004), mendefinisikan struktur ialah cara sesuatu perkara terbina atau terbentuk melalui pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga membentuk suatu pola atau sistem tertentu. Berdasarkan kajian ini, struktur dalam pembinaan *ramban* diperlihatkan kepada aspek gaya bahasa, bait, prosodi dan tema. Walau bagaimanapun dalam objektif kajian, aspek tema akan diasingkan dengan struktur kerana tema lebih menjurus kepada kandungan makna yang ingin disampaikan oleh pengkarya, manakala aspek gaya bahasa, bait dan prosodi lebih menumpukan kepada bentuk penyampaian serta ciri-ciri teknikal yang membentuk keindahan dan keunikan sesebuah karya.

Aspek gaya bahasa yang dianalisis dalam puisi *ramban* memfokuskan elemen hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sinkop, simile, homioleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Aspek bait yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban* ini diperlihatkan melalui elemen prolog, isi, epilog, paralelisme, baris ayat dan patah perkataan yang membentuk puisi *ramban*. Manakala, dari aspek prosodi dengan mengenalpasti elemen rima, jeda, disfemisme dan emotif.

Selain itu, kajian yang menganalisis struktur turut memperlihatkan tema yang terkandung dalam puisi *ramban*. Menurut Kamus Melayu-Inggeris Dewan (2012), tema ialah sesuatu perkara yang menjadi dasar perbincangan, pokok idea atau tajuk.





Dalam kajian ini, tema adalah sesuatu perkara yang penting untuk dikupas sebagai idea yang utama di dalam sesebuah teks *ramban* yang dapat ditafsirkan sebuah pernyataan.

1.9.2 Fungsi

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), menjelaskan fungsi sebagai sesuatu tugas dalam sesebuah aspek yang merujuk kepada peranan sesuatu bahasa yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Berdasarkan bahasa, fungsi menekankan tujuh aspek bahasa. Pertama ialah fungsi instrumental yang bermaksud bahasa mempunyai penyebab terjadinya peristiwa. Kedua, fungsi mengatur dan mengendalikan pelbagai peristiwa. Ketiga, fungsi bahasa untuk pernyataan, menyampaikan fakta-fakta pengetahuan, menjelaskan dan menggambarkan realiti yang sebenar. Fungsi yang keempat ialah bahasa bermanfaat untuk berinteraksi sesama manusia agar komunikasi berjalan dengan lancar. Fungsi yang kelima ialah bahasa untuk menginterpretasikan diri, mengungkapkan sesuatu tentang diri serta emosi diri. Keenam, fungsi bahasa sebagai alat untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan ketujuh bahasa sebagai alat imaginasi. Kajian in memfokuskan aspek fungsi *ramban* yang dilafazkan sama ada berfungsi sebagai kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan.

1.9.3 Puisi

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2007), puisi sebagai satu karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain. Puisi ialah karangan berangkap dan mempunyai kalimat yang bebas terutamanya dari segi pemilihan diksi, rima dan suku





kata. Abdul Halim (2011) menjelaskan puisi ialah satu hasil kesenian, wadah pemeliharaan adat, menjangkau alam mistik, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pertahanan, hiburan dan kepercayaan.

Puisi dalam masyarakat Iban dikenali sebagai *leka main*. Puisi rakyat dalam kesusasteraan lisan tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Iban disebarkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan. Janang dan Robert (2011) menjelaskan *leka* bermaksud isi dan *main* adalah puisi (Chemaline, 2006). Oleh itu, *leka main* ialah satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri. Kajian ini memfokuskan kepada puisi masyarakat Iban, iaitu puisi *ramban* yang merupakan puisi tradisional kategori hiburan kerana dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan hari keramaian tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan.



1.9.4 Ramban

Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2020), *ramban* merupakan puisi tradisional masyarakat Iban yang sering dinyanyikan atau dilafazkan untuk menyampaikan kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan. Selain itu, *ramban* puisi lisan dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang dan majlis keramaian. Kajian ini menganalisis puisi *ramban* yang terdapat dalam masyarakat Iban dari aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Kajian memfokuskan kepada sepuluh puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban*, iaitu *Ramban Nanyaka Pejalai*, *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula*, *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*, *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*, *Ramban Mejah Pisin Lelaki*,





Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, Ramban Indu Dara Ringat Asa, Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki dan Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, teori kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan. Tambahan itu, bab ini turut menerangkan latar belakang suku kaum Iban dan asal usul masyarakat Iban serta komponen tradisi lisan yang dikategorikan kepada hiburan, adat dan invokasi turut diterangkan. Kesimpulannya, kajian ini mengkaji puisi *ramban* yang merupakan salah satu khazanah masyarakat Iban dengan menggunakan teori strukturalisme dan teori pragmatisme untuk menjelaskan tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

